

28hb. Mei 1977.

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1977

### Perlaksanaan Tanggagaji Bersih Baharu: Pegawai-pegawai Kontrek di Semenanjung Malaysia

Saya diarah memaklumkan bahawa telah diputuskan supaya tanggagaji bagi pegawai-pegawai kontrek bagi perkhidmatan di Semenanjung Malaysia juga hendaklah disemak semula dan diselaraskan dengan tanggagaji bersih baharu sebagai yang ditetapkan bagi jawatan-jawatan yang sama dalam Perkhidmatan Awam secara sepenuhnya mulai 1.7.1977 mengikut Sifir-sifir Pemindahan yang telah dikeluarkan di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#) dan [4 Tahun 1977](#). Sehubungan dengan ini Kerajaan juga telah memutuskan untuk menamatkan pembayaran Elaun Bantuan Khas dan Bonus mulai tarikh yang sama.

2. Penyelarasan gaji kepada tanggagaji bersih baharu ini akan dilakukan oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan dengan mengeluarkan 'endorsement certificate' mengandungi pindaan tanggagaji di bawah Jadual kepada surat perjanjian perlantikan masing-masing. Tidak ada pindaan kepada syarat-syarat kontrek yang menyentuh kemudahan-kemudahan dan elaun perlu dibuat kerana kesemuanya akan dengan sendirinya terselaraskan menurut syarat-syarat baru seperti yang terkandung di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#) dan [4 Tahun 1977](#) mulai 1.7.1977.

3. [(i) **Ganjaran:** 17 1/2% daripada gaji bersih baharu terakhir bagi tiap-tiap bulan genap perkhidmatan tetapi ditolak caruman bahagian Kerajaan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta faedah-faedah ke atasnya. (Kadar ganjaran sebanyak 17 1/2% boleh diberi bagi kontrek-kontrek untuk tarikh berkhidmat mulai dari 1. 1. 1976 atau tarikh selepas daripadanya mengikut mana yang terakhir, kepada:

(a) Pegawai Kontrek yang masih berkhidmat pada 1.7.1977;

(b) Pesara-pesara yang diambil semula berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan secara kontrek yang masih berkhidmat pada 1.7.1977.

(ii) **Cuti:** Kadar cuti hendaklah mengikut Lampiran 'D' kepada [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1977](#) dan [4 Tahun 1977](#) dengan syarat kontrek yang masih lagi berkuatkuasa boleh diubahsuai bagi baki tempuh perkhidmatan masing-masing mulai dari 1.7.1977.]<sup>1</sup>

4. Tarikh kuatkuasa penyelarasan gaji bagi pegawai-pegawai kontrek kepada tanggagaji bersih baharu ialah 1.1.1976. Pembayaran tunggakan gaji yang terlibat ia-

lah bagi tempoh perkhidmatan di antara 1.1.1976 atau tarikh selepasnya hingga 30.6.1977 dan adalah untuk pegawai yang masih berkhidmat pada 1.7.1977 sahaja.

5. Ketua-ketua Jabatan adalah dengan ini diminta menyampaikan dengan secepat mungkin kepada Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan satu senarai pegawai-pegawai yang kontreknya masih lagi berkuatkuasa pada atau selepas 1.7.1977 untuk membolehkan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan melakukan 'endorsement' yang dimaksudkan di perenggan 2 di atas.

6. Jika Ketua-ketua Jabatan ada apa-apa keraguan mengenai pelaksanaan Surat Pekeliling ini, penjelasan hendaklah diperolehi daripada Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD  
JALALUDIN)  
Pengarah Bahagian Perjawatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Awam,  
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Polis.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.

<sup>1</sup>. Petikan ini membatalkan dan menggantikan petikan asal menurut [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11/77](#) berkuatkuasa pada 23 Jun 1977.

Petikan asal ialah:

"3. Syarat-syarat mengenai pembayaran ganjaran dan cuti adalah tidak berubah."